

**TEKS UCAPAN
YB. DATO' DR HJ. NOOR AZMI BIN HJ. GHAZALI
PENGERUSI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMASA MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN LLM-UKM
DI FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA, UKM
8 OGOS 2017**

Y.BHG. PROF. DATO' SERI DR. NOOR AZLAN BIN GHAZALI, NAIB
CANSELOR UKM

Y.BHG. DATUK IR. HJ. ISMAIL BIN MD. SALLEH
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG. DATO' IR. DR. ABD. WAHAB MOHAMMAD, DEKAN FAKULTI
KEJURUTERAAN & ALAM BINA, UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA

Y.BHG. DATO' IR. DR. WAN HAMIDON BIN WAN BADARUZZAMAN,
KETUA PUSAT PENYELIDIKAN PENGANGKUTAN BANDAR MAPAN
(SUTRA)

TIMBALAN-TIMBALAN DEKAN
PENGURUSAN TERTINGGI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
KETUA-KETUA JABATAN
PENGURUSAN FAKULTI
DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

YBHG. PROF. DATO' SERI, DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SEBAGAIMANA DATO' SERI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEDIA MAKLUM, LLM KOMITED UNTUK MEMASTIKAN PERANCANGAN, PEMBINAAN, OPERASI, PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN LEBUHRAYA DILAKSANAKAN MENGIKUT PIAWAIAN ANTARABANGSA SERTA EKONOMIK. SALAH SATU KAEDAH YANG TELAH DIKENALPASTI IALAH MELALUI BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG MANA MAMPU MENGHASILKAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP AMALAN SEDIADA.

SECARA DASARNYA, SETAKAT INI PIHAK LLM TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DENGAN TIGA (3) UNIVERSITI IAITU UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM). UNTUK MAKLUMAN YBHG. PROF. DATO' SERI, DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN, SETIAP UNIVERSITI MEMPUNYAI BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING DI DALAM MELAKSANAKAN KAJIAN/PENYELIDIKAN YANG MELIBATKAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA BERTOL BERSAMA DENGAN PIHAK LLM DAN SYARIKAT KONSESI BERKENAAN. SEBAGAI AGENSI PENGAWALSELIAAN LEBUHRAYA TOL DI MALAYSIA, LLM SENTIASA MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN SETANDING DENGAN AGENSI SEUMPAMANYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU, LLM JUGA PERNAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DENGAN AGENSI-AGENSI LAIN SELAIN DARIPADA UNIVERSITI TEMPATAN SEPERTI KOREA HIGHWAY CORPORATION DAN JUGA MALAYSIA INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH (MIROS) BAGI MENGGALAKKAN KERJASAMA, PERKONGSIAN SERTA PEMINDAHAN TEKNOLOGI.

YBHG. PROF. DATO' SERI, DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

TUJUAN MOU ANTARA LLM DAN UKM INI DITANDATANGANI ADALAH SEBAGAI INISIATIF MURNI DI DALAM MENGADAKAN HUBUNGAN KERJASAMA DI SAMPING MEMPERLUASKAN HUBUNGAN DUA HALA ANATAR DUA PIHAK BAGI MELAKSANAKAN KAJIAN/PENYELIDIKAN, LATIHAN DAN PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI DAN TAHAP PERKHIDMATAN LEBUHRAYA DI MALAYSIA KE TARAF DUNIA.

SELAIN DARIPADA ITU, PIHAK SWASTA KEBIASAANNYA DILIHAT LEBIH INOVATIF DI DALAM MEMPROMOSIKAN PERKHIDMATAN YANG MEMPUNYAI NILAI KOMERSIL. LLM JUGA TIDAK MAHU KETINGGALAN DALAM PERKARA INI. HASIL DARIPADA PENEMUAN TEKNOLOGI DAN INOVASI TERSEBUT PERLU DIAPLIKASIKAN DAN DIKOMERSILKAN UNTUK TUJUAN PERKEMBANGAN SETERUSNYA DAN MENINGKATKAN KADAR PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR. OLEH YANG DEMIKIAN, SECARA TIDAK

LANGSUNG IA TELAH MEMBAWA KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI. DI ANTARA LAIN-LAIN FAEDAH ADALAH:-

- i. KERAJAAN DAPAT MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK LEBUHRAYA DENGAN LEBIH EKONOMIK DAN RAKYAT DAPAT MEMPEROLEHI FAEDAHNYA.
- ii. INOVASI PENJIMATAN KOS DAN MASA DALAM TEKNIK PEMBINAAN, PENYENGGARAAN DAN OPERASI LEBUHRAYA.
- iii. PENGGUNA DAPAT MENIKMATI PENINGKATAN MUTU PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI.
- iv. PENINGKATAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN.
- v. PENINGKATAN BERBAGAI KEMAHIRAN DI DALAM INDUSTRI LEBUHRAYA.

UNTUK MAKLUMAN YBHG. PROF. DATO' SERI, DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN, ANTARA AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIKENAL PASTI DALAM BIDANG UMUM KERJASAMA INI ADALAH MELALUI PROGRAM PELAKSANAAN KERJA-KERJA RUNDINGAN, PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, KOMERSIL DAN JUGA MENJALANKAN LATIHAN DAN TIDAK TERHAD KEPADA PERKARA TERSEBUT MENGIKUT HASIL PERBINCANGAN DAN PERSETUJUAN SECARA BERSAMA OLEH KEDUA-DUA PIHAK. SELAIN DARIPADA ITU, BEBERAPA KAJIAN/ PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN LEBUHRAYA YANG BERIMPAK TINGGI DAN BERPOTENSI BOLEH DILAKSANAKAN SECARA KOLABORASI SEPERTI KAJIAN/PENYELIDIKAN YANG MELIBATKAN :-

1. PEMBANGUNAN MODEL KAWASAN REHAT & RAWAT LESTARI.
2. SISTEM RAMALAN PINTAR DALAM ANALISA KESTABILAN CERUN.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

PIHAK LLM AMAT BERHARAP DI MANA DENGAN ADANYA HUBUNGAN DUA HALA ANTARA LLM DAN UKM, KAJIAN/PENYELIDIKAN DAN PELABURAN YANG DILAKSANAKAN DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUHRAYA INI DAPAT MENCAPAI MATLAMAT SEBENAR DAN MENJURUS KEPADA KEPENTINGAN SERTA KEMAJUAN INDUSTRI LEBUHRAYA BERTOL DI MALAYSIA. SELAIN DARIPADA ITU, HASIL KAJIAN/PENYELIDIKAN YANG DIPEROLEHI PADA AKHIRNYA DAPAT DISAMPAIKAN SECARA BERKESAN KEPADA PENGGUNA LEBUHRAYA DAN JUGA RAKYAT.

YBHG. PROF. DATO' SERI, DATO'-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

AKHIR KATA, DI KESEMPATAN INI SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MAJLIS INI DAN SEMOGA KERJASAMA ERAT INI AKAN SENTIASA BERTERUSAN. SAYA BERHARAP AGAR LEBIH BANYAK PERSEFAHAMAN SEUMPAMA INI DIWUJUDKAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN AGAR SEIRING

DENGAN WAWASAN KE ARAH NEGARA MAJU. MELALUINYA JUGA AKAN MENCAMBAHKAN LEBIH BANYAK HASIL PENYELIDAKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D), KHUSUSNYA DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.